

Tarikh penubuhan Felda dan akta baru diperkenalkan:

> Felda ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Julai 1956. Akta yang berkaitan dengan penubuhan Felda ialah Undang-Undang Kemajuan Tanah 1956.

> Dengan akta ini maka terbentuklah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Felda.

> Di peringkat permulaan Felda beroperasi dengan peruntukkan berjumlah RM10 juta dan mempunyai seramai 10 orang kakitangan sahaja yang terdiri daripada pengerusi, setiausaha, akauntan, pembantu pejabat, kerani dan lima pengurus kadet.

Peranan Tun Abdul Razak:

> Selepas berakhirnya darurat pada 1960, kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar melalui Buku Merah yang diterajui oleh Tun Abdul Razak Hussein selaku menteri Pembangunan Luar Bandar.

> Pembukaan Felda Jengka Tiga Segi yang melibatkan kawasan seluas 126,000 hektar adalah idea dan perancangan Tun Abdul Razak.

Belanja yang dikeluarkan oleh Felda untuk tanah rancangan:

> Sehingga 1 Mei 2011, kos untuk membangunkan tanah rancangan sejak 1956 adalah berjumlah RM10.56 bilion.

> Perbelanjaan ini meliputi kos pembangunan, penyediaan infrastruktur, kemudahan asas, pembangunan komuniti dan lain-lain.

> Sebahagian daripada kos ini dibiayai menerusi pinjaman berjumlah RM4.97 bilion.

Keluasan tanah untuk seorang peneroka:

> Setiap peneroka diperuntukkan kawasan pegangan seluas kira-kira siku ekar untuk tapak kediaman yang dinamakan pegangan bandar.

> Peruntukkan untuk kawasan pertanian

Apa yang anda ingin tahu tentang Felda

Star 3/7/2011 mas 16.

Keluasan tanah & kegunaan pertanian:

- > Sawit – 723,394 hektar
- > Getah – 85,375 hektar
- > Tebu – 879 hektar
- > Lain-Lain tanaman – 2,371 hektar
- > Penempatan peneroka – 42,173 hektar

Bilangan Rancangan/Projek Tanaman:

- > Pahang – 169 (Sawit: 293,529 hektar/Getah: 9,117 hektar/Lain-lain: 1,960 hektar)
- > Johor – 89 (Sawit: 136,678 hektar/Getah: 8,729 hektar/Lain-lain: 41 hektar)
- > Sabah – 64 (Sawit: 119,560 hektar/Getah: - hektar/Lain-lain: 205 hektar)
- > N.Sembilan – 53 (Sawit: 52,669 hektar/Getah: 31,722 hektar/Lain-lain: 40 hektar)
- > Terengganu – 30 (Sawit: 42,771 hektar/Getah: 2,090 hektar/Lain-lain: - hektar)
- > Kelantan – 25 (Sawit: 40,587 hektar/Getah: 432 hektar/Lain-lain: - hektar)
- > Perak – 22 (Sawit: 24,527 hektar/Getah: 10,815 hektar/Lain-lain: 40 hektar)
- > Kedah – 12 (Sawit: 560 hektar/Getah: 12,955 hektar/Tebu: 879 hektar)
- > Sarawak – 5 (Sawit: 7,680 hektar/Getah: - hektar/Lain-lain: - hektar)
- > Melaka – 4 (Sawit: 1,847 hektar/Getah: 3,619 hektar/Lain-lain: - hektar)
- > Perlis – 3 (Sawit: 22 hektar/Getah: 4,821 hektar/Lain-lain: 533 hektar)
- > Selangor – 4 (Sawit: 2,516 hektar/Getah: 196 hektar/Lain-lain: - hektar)

Bagaimana pendapatan peneroka dikira:

Pendapatan Peneroka – Nilai hasil kebun yang dihasilkan peneroka.

Pendapatan Kasar – Pendapatan sebelum ditolak potongan iaitu:

– Kos Operasi Kebun seperti pengangkutan buah, jalan pertanian, insurans ladang, kos baja, kos kimia dan upah ukur.

– Potongan Tetap Felda – iaitu kos yang patut dibayar oleh semua peneroka terutamanya kos untuk memiliki tanah kebun seperti kos pembangunan kebun, rumah, cukai tanah, hak milik dan kos tanaman semula.

– Potongan Persendirian – iaitu berkaitan dengan pinjaman persendirian dan simpanan atau pelaburan seperti perbelanjaan harian di kedai Felda, pinjaman perniagaan, asrama, JKKR dan koperasi.

Pendapatan Bersih

> Peruntukkan untuk kawasan pertanian ialah kira-kira 10 ekar seorang yang dinamakan kawasan pegangan luar bandar.

> Terdapat beberapa kawasan rancangan yang memperuntukkan kawasan seluas 12-14 ekar seorang kepada peneroka seperti di Felda Sg Koyan, Kemahang, Kota Gelanggi, Palong & Sahabat serta Umas.

Perjanjian antara peneroka dan Felda:

> Kedua-dua pihak menandatangani satu surat perjanjian yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

> Tanggungjawab peneroka ialah menjaga keharmonian di tanah rancangan, menjelaskan bayaran pinjaman dan apa-apa kos yang didahulukan oleh Felda, membayar caruman yang wajib dikenakan, tidak memindah hak pegangan kepada orang lain, bermastautin bersama keluarga di rancangan.

> Tanggungjawab utama Felda pula ialah: memajukan tanah rancangan, menguruskan kebun peneroka, mendahulukan apa-apa bayaran bagi pihak peneroka, memperuntukkan kawasan pegangan kediaman dan kebun, menguruskan caruman peneroka dan mengesyorkan hak milik kepada Kerajaan Negeri.

Struktur masyarakat peneroka di tanah rancangan:

> Biasanya, sebuah tanah rancangan berkeluasan antara 4,000 – 5,000 ekar.
> Menempatkan kira-kira 400-500 keluarga peneroka.

> Setiap blok mengandungi 20-25 ahli. Misalnya jika rancangan tersebut mempunyai 400 keluarga, maka jumlah blok adalah 20.

> Setiap blok mempunyai seorang ketua yang dilantik melalui permuafakatan.

> Terdapat juga Jawatankuasa Kemajuan Rancangan, Gerakan Persatuan Wanita, belia dan lain-lain pertubuhan.

> Setiap tanah rancangan mempunyai koperasi sebagai satu sumber pendapatan tambahan.

Potongan hasil:

> Perjanjian yang ditandatangani antara Felda dan peneroka menyatakan peneroka bertanggungjawab membayar caruman atau potongan untuk tujuan tertentu dan juga untuk faedah dan masa depan mereka.

> Misalnya, jalan pertanian adalah nadi mengangkut hasil dan perlu dijaga dengan baik. Oleh yang demikian, peneroka bertanggungjawab menjaga jalan pertanian.

Jika jalan pertanian rosak, caruman yang dikutip daripada peneroka inilah yang akan digunakan untuk memperbaiki jalan dan ini termasuklah culvert dan pembentung.

Jenis-jenis caruman yang dikenakan ke atas peneroka ialah:

(i) Caruman Tanam Semula iaitu dibuat melalui penyata pendapatan peneroka sawit dengan kadar potongan RM4 seekar sebulan untuk selama 20 tahun atau RM960. Bagaimanapun pada masa ini peneroka mencarum RM10 seekar untuk persiapan tanam semula bagi pusingan berikutnya.

(ii) Jalan Pertanian: Kadar potongan RM1 seekar sebulan. Bagaimanapun jumlah ini boleh ditambah berasaskan keperluan.

(iii) Insurans Ladang: Kadar potongan RM10 seekar setahun. Ini adalah perlindungan kepada kebun jika berlakunya kemusnahan bencana alam, serangan penyakit dan perosak.

(iv) Kutipan Baja: Kadar potongan ditentukan berdasarkan keperluan baja yang dibekalkan untuk tempoh sesuatu tahun bagi setiap peneroka. Ia bagi mengutip balik kos baja tahunan yang telah didahulukan oleh Felda kepada peneroka.

(v) Kutipan BK Hak Milik: Potongan berdasarkan jumlah hutang peneroka yang telah dikira dalam tempoh jangkamasa yang ditetapkan. Tujuan potongan ini adalah bagi mengutip kembali pembiayaan pinjaman daripada kerajaan, institusi kewangan bagi perbelanjaan membangunkan rancangan

seperti pembangunan ladang, kawasan kampung, rumah peneroka, pinjaman persendirian dan faedah ke atas pinjaman.

(vi) Kutipan Cukai Tanah Yang Disatukan: Kadar potongan ialah RM1 seekar sebulan sehingga surat hak milik tanah dikeluarkan (15 tahun) atau selepas hutang BK dijelaskan. Tujuan potongan ini ialah untuk perbelanjaan premium tanah, ukur sempadan kebun dan kampung, ukur lot tanah, harga batu sempadan dan cukai tanah sebelum hak milik yang telah didahulukan oleh Felda kepada Kerajaan Negeri.

Pendekatan baru Felda:


> Bagi membolehkan Felda mempunyai sumber kewangannya sendiri untuk menguruskan pembangunan rancangan tanpa bergantung kepada kerajaan, mulai 1 Januari 1990, Felda tidak lagi mengambil peneroka baru di semua tanah rancangan di seluruh negara. Sebagai gantinya, tanah yang belum menempatkan peneroka diuruskan secara komersial. Pada masa yang sama Felda telah diarahkan untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada peneroka dengan menggunakan sumber peruntukkan sendiri.

> Mulai 1996, kerajaan tidak lagi memberi peruntukkan tahunan kepada Felda dan segala perbelanjaan mengurus dan pembangunan peneroka adalah melalui sumber dalaman Felda sendiri. Tanah ladang yang diurus secara komersial ini adalah merupakan punca utama pendapatan Felda sekarang.

Perbezaan ladang Felda dan ladang swasta:

> Tanah ladang Felda yang diuruskan secara komersial ini bayaran kadar premium dan cukai yang dibayar kepada Kerajaan Negeri adalah sama seperti yang dibayar oleh ladang swasta yang lain.

> Tanah-tanah ini yang hak miliknya dikeluarkan kepada Felda tidak tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Ini bermakna tanah-tanah yang diuruskan oleh Felda adalah sama status dengan tanah yang diberi milik kepada ladang swasta.



Masyarakat peneroka menerima hasil daripada pembukaan tanah rancangan sejak lebih 50 tahun lalu.

